

BASHIR MAKHOUL (PALESTINE)

Menetap dan bekerja di Birmingham, UK
Live and work in Birmingham, UK
b.1963, Palestine

Tajuk "Shift" di sini merujuk kepada bukan sahaja pergerakan literal karya ini dan idea berkenaan ketidakstabilan tetapi juga 'peralihan-peralihan' pada skala, di mana model-model rumah kecil diletakkan di dalam sebuah dulang gergasi yang berisi air dan berombak-ombak. Peralihan skala ini bertujuan untuk meneroka peralihan-peralihan skala di antara yang lokal dan yang global.

Instalasi projek ini akan merujuk kepada sejarah ekonomi, politik dan kolonial di Malaysia, dan menyaring serta memproses bahan-bahan ini menjadi bentuk-bentuk multivalen yang diringkaskan. Instalasi ini akan memaparkan kepada khalayak elemen-elemen tersebut dalam bentuk-bentuk yang menonjolkan serentak imej-imej dan perkaitan-perkaitan yang bertentangan, dengan sedikit sebanyak berpandukan teori dreamwork Freud – elemen-elemen dan imei-imej itu bertindak sebagai pengkondensasian atau peringkasan kepada perkara-perkara yang masih ada, bertautan dan tidak disadari. Di dalam karya ini kita dapat melihat bagaimana seni boleh menyelidik daya-daya politik global yang berfungsi pada tahap psiko-sosial. Yang 'lokal' di sini berada di dalam ruang rahsia minda kita sendiri.

Karya instalasi ini menampilkan ribuan model rumah kecil daripada timah yang terapung di atas permukaan kolam air. Apabila ombak-ombak bergerak, rumah-rumah timah akan beralih dan mula bersaing merebut tempat di kolam tersebut. Perkaitannya yang paling dekat ialah kaedah-kaedah awal perlombongan bijih timah secara manual di sini yang selalunya dilakukan oleh pekerja-pekerja migran dari China. Rumah-rumah itu mengingatkan kita pada pondok-pondok di kawasan-kawasan setinggan yang biasanya dibina dan dihuni oleh para migran dan dibuat daripada kepingan atap timah. Migran-migran yang menaiki bot-bot uzur menuju ke sebuah negara yang stabil demi mencari kesejahteraan hidup yang sukar dicapai. Air dan pergerakan gelombang menggambarkan ketidaktentuan hidup yang dialami para migran, di samping idea-idea berkenaan ketidakstabilan dan perubahan berterusan kapital global. Air, dalam konteks ini, adalah juga simbol dengan pelbagai makna – sesuatu yang padanya semua kehidupan bergantung, dan yang boleh mengancam dan membahayakan hidup sama ada ketika ia berkurangan ataupun ketika ia berlebihan lalu mengakibatkan bencana buruk. Di dalam karya ini juga kita dapat melihat gambaran kesan-kesan dahsyat akibat pemanasan global.

Shift
2017
Tin Houses
108cm x 90cm x 100cm
Collection of the artist

The title 'Shift' not only refers to the literal movement of the work and ideas of instability but to 'shifts' in scale, in which small houses are held by a giant sifting pan by water waves. The shift of scale is intended to explore the shifts in scale between the local and the global.

As a Palestinian in exile, for me this project explores ideas of displacement in the interactions between the local and the global. In particular the ways in which the immediate, physical and literal encounters with global forces happen at the local level. Our experiences in our workplaces, homes and our relationship to place and nature are in part determined by global political forces. This is felt most immediately at the coal-face of globalised capitalism, by the poorest workers, migrants and by those quite literally extracting value from the earth.

The project installation will draw from the specific economic, political and colonial history of Malaysia and aim to extract and process these elements into multivalent and condensed forms. The installation will confront the viewer with these elements in forms that push together conflicting images and associations, rather in the manner of Freud's theory of dreamwork – the elements and imagery acting as 'condensations' of residual, associative and unconscious content. In this we can see how art can explore global political forces operating at the psycho-social level. The 'local' here being inside the privacy of our own skulls.

The installation will consist of thousands of small model tin houses floating on the surface of water pool. As the water waves move the tin houses shift and start to compete for space in the water. The most immediate association will be the early forms of manual tin ore extraction in the region, usually carried out by Chinese migrant labour. The houses evoke the tin shacks of shanty towns, usually built and inhabited by migrants and often made from corrugated tin. Migrants travelling on a flimsy boots aiming for the unreachable safety of a stable country. The water and the shifting, wave movement brings to the surface the precariousness of life for migrants, as well as ideas of instability and flux in globalised capital. Water, in this context, is also a multivalent symbol – something on which all life depends and also something that threatens and endangers life through scarcity or catastrophic excess. In this we also have the evocation of the traumatic local effects of global warming.

